

10/06/2003

Rahman dilantik Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kedah

ALOR STAR: Bekas Exco Belia dan Sukan Kedah, Datuk Abdul Rahman Ariffin dilantik Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri dalam rombakan kecil yang diumumkan pengerusinya, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Abdul Rahman, 49, Ketua Umno Bahagian Jerlun, menggantikan Exco Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Osman Md Aji, berkuat kuasa serta-merta.

Datuk Mokhzani Mahathir, 42, pula dilantik sebagai bendahari menggantikan Datuk Dr Abdul Ghani Shafie yang meletakkan jawatan Mac lalu.

Pelantikan mereka diumumkan Syed Razak yang juga Menteri Besar pada mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri selepas mesyuarat Barisan Nasional

(BN) negeri, di Bangunan Tunku, malam kelmarin.

Abdul Rahman, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Ayer Hitam hadir dalam mesyuarat tiga jam itu sebagai Ketua Umno Jerlun, manakala Mokhzani tidak hadir.

Syed Razak yang ditemui semalam berkata, rombakan itu untuk memantapkan jentera Umno menghadapi pilihan raya akan datang.

"Ini bukan bermakna pemegang jawatan lama gagal tetapi kita perlukan komitmen sepenuhnya meneruskan perjuangan parti. Abdul Rahman yang kini tidak mempunyai jawatan dilihat calon terbaik kerana mempunyai banyak masa menjalankan tanggungjawab ini.

"Osman sebagai Exco pastinya sukar memberi tumpuan kerana terikat dengan tugasnya dan ini boleh menjejaskan persiapan parti.

"Ini kerana arahan sudah dikeluarkan kepada semua ketua bahagian dan Exco untuk memberi tumpuan kepada kawasan masing-masing. Bagi Osman yang juga Adun Bandar Baharu, tugas sini pasti lebih sukar dengan beban tambahan kerana kawasannya agak jauh," katanya.